

Silang budaya erat hubungan kaum

KOMPOSISI Malaysia yang unik dan mempunyai pelbagai kaum bermakna pembinaan negara bangsa memerlukan acuan tersendiri dan tidak boleh mengikut mana-mana negara lain. Justeru, aspek silang budaya sangat penting dalam menyumbang ke arah kestabilan Malaysia.

Ditambah pula dengan suhu hubungan kaum yang turun naik bergantung kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam negara.

Pengarah Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia, Dr. Zaid Ahmad

berkata, aspek itu mampu mengajar rakyat untuk menangani dan mengurus perbezaan antara satu sama lain.

“Keharmonian antara kaum perlu diletakkan di tempat teratas kerana ia menjadi prasyarat kepada pembangunan.

“Untuk mencapai objektif ini, pendidikan silang budaya wajar dimulakan di peringkat paling awal, jika kita mulakan di universiti, ia agak lewat.

“Peringkat universiti boleh



ZAID

diibaratkan seperti air di kuala. Jika kita hendak menjernihkan air tersebut, ia bermula di hulu (peringkat awal) lagi,” katanya kepada *Kosmo!* ketika dihubungi baru-baru ini.

Sebagai contoh, tular tindakan seorang individu keturunan Cina yang menghina Yang di-pertuan Agong baru-baru ini yang mencetuskan kemarahan orang-orang Melayu.

“Kenyataan tersebut tidak diperlukan. Ia berlaku kerana

individu tersebut tidak memahami sistem nilai orang Melayu yang sudah pun dinaungi institusi beraja sejak turun-temurun. Reaksi orang-orang Melayu sudah tentu akan timbulkan ketegangan,” tambahnya.

Zaid menegaskan, silang budaya boleh diterapkan dalam semua aliran pendidikan tanpa mengira kaum.

Ujarnya, menerusi silang budaya, kejahilan terhadap satu-satu sensitiviti kaum lain mampu diatasi sekali gus mengekang ketegangan yang sering kali berlaku antara kaum di Malaysia.